

Catatan Untuk Borang PDS 1:

Borang ini hendaklah diisi oleh pembayar duti / ejen / firma yang mewakili pihak yang kena membayar duti setem termasuk penalti di bawah Seksyen 47A, Akta Setem 1949. Ia hendaklah diisi untuk semua jenis permohonan penyeteman surat cara. Sila isikan butiran berikut dengan lengkap:

1. Nama Pejabat Setem Cawangan /Pusat Khidmat Hasil / UTC yang dipilih.
2. Jika pemohon:
 - i. Individu - nyatakan nama penuh dan alamat
 - ii. Ejen / wakil - nyatakan nama firma dan alamat perniagaan
3. Nyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan dan nombor telefon pembawa yang menguruskan proses penyeteman surat cara.
4. Isikan nombor adjudikasi bagi setiap surat cara (bagi kes STAMPS).
 - i. Jika surat cara prinsipal, nombor adjudikasi surat cara prinsipal sahaja
 - ii. Jika surat cara subsidiari, nombor adjudikasi surat cara prinsipal dan subsidiari
5. Nyatakan butiran transaksi berkaitan nama pihak pertama / pemberi dan nama pihak kedua / penerima.
6. Nyatakan jenis surat cara yang ingin disetamkan dan bilangan asal dan / atau salinan.
7. Nyatakan tarikh surat cara.
8. Jika penyeteman melibatkan surat cara berikut, perlu nyatakan:
 - (a) Surat cara pajakan atau perjanjian sewa – jumlah sewa setahun dan tempoh pajakan
 - (b) Suratcara perjanjian pinjaman – jumlah pinjaman atau balasan
 - (c) Kes peremitan atau pengecualian – seksyen atau warta yang berkaitan
 - (d) Lain-lain jika berkaitan
9. Nyatakan butiran harta / gadaian bagi kes pindah milik harta tanah / gadaian.
10. Taksiran duti yang dikenakan ke atas surat cara.
11. Kirakan penalti di bawah Seksyen 47A, Akta Setem 1949 (jika ada).
12. Jumlah duti kena dibayar (nombor 10 + nombor 11).
13. Pemohon atau ejen / wakil yang menguruskan proses penyeteman surat cara ini perlu menandatangani, menurunkan cap nama peguam dan tarikh di bahagian ini.

14, 15, 16, 17 : Untuk kegunaan pejabat sahaja